



MAJLIS DAERAH LENGGONG

JAWATAN KOSONG CONTRACT OF SERVICE

Permohonan adalah dipelawa kepada WARGANEGARA MALAYSIA dan keutamaan diberi kepada RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN yang berkelayakan dan BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN dan TIDAK LEBIH DARI 30 TAHUN pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :

Nama Jawatan	: Penolong Pegawai Tadbir (Contract Of Service)
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran dan Sokongan
Gred	: N29
Taraf Jawatan	: Kontrak
Kementerian/Jabatan	: Majlis Daerah Lenggong
Kekosongan	: SATU (1) kekosongan

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan adalah:-
 - i. Diploma Sebaran Am (*Public Relation*)
 - ii. Diploma Komunikasi dan Pengajian Media (*Communication and Media*)
 - iii. Diploma Pentadbiran Awam (*Public Administration*)

(Gaji permulaan pada Gred N29: RM1,493.00).

KEUTAMAAN KEPADA CALON

Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran seperti berikut :-

- a) Mahir dalam mengendalikan computer. (Microsoft, Grafik dan Multimedia)
- b) Aktif dalam mengendalikan akaun media sosial.
- c) Berkebolehan dalam komunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. (Sekiranya menguasai bahasa lain juga merupakan kelebihan tambahan)
- d) Berkebolehan membuat penyampaian dengan berkesan kepada individu dan kumpulan.
- e) Berkebolehan menguruskan konflik dan menyelesaikan masalah.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

- a) Bertindak sebagai pegawai operasi bagi mesyuarat, aktiviti dan program jabatan di peringkat bahagian, negeri dan daerah.
- b) Melaksanakan aktiviti penyebaran maklumat mengenai dasar jabatan /negeri /persekutuan melalui pendekatan komunikasi bersemuka, media cetak dan elektronik.
- c) Mengawal selia pelaksanaan program dan aktiviti rasmi di peringkat daerah.

CARA MEMOHON

1. Pemohon hendaklah memohon secara atas talian dengan melayari laman web <https://digital.perak.my> mulai **19 September 2024 hingga 06 Oktober 2024**.
2. Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara **ATAS TALIAN (ONLINE)**. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemuduga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
3. Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan

Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir dan hanya perlu dibawa semasa Sesi Temuduga.

4. Calon-calun yang layak dipanggil temuduga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-sijil Persekolahan/Akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LENGGONG**